3.4.1 Di mana mengecat semula permukaan lama ditentukan, cara-cara berikut hendaklah dipatuhi. Jika permukaan tidak berkakis, ianya hendaklah digosok secara ringan dengan kertas pasir dan semua kotoran, minyak dan gris hendaklah dibersihkan dengan membasuh menggunakan pelarut yang diluluskan. Selepas permukaan itu kering ianya hendaklah disapu dengan satu lapis cat asas logam yang diluluskan diikuti dengan satu lapis cat alas dan, kecuali jika selainnya ditentukan, disudahi dengan dua lapis cat kilat enamel. Sekiranya permukaan telah terkakis, keseluruhan cat yang sedia ada hendaklah ditanggalkan dengan menggunakan pelucut cat yang diluluskan atau dengan mengikis sepertimana yang diluluskan oleh P.P. Apabila permukaan telah dibersih dengan sepenuhnya, ianya hendaklah disapu dengan satu lapis cat asas logam yang diluluskan, satu lapis cat alas dan kecuali jika selainnya ditentukan, disudahi dengan dua lapis cat kilat enamel.

4. Mengecat Permukaan Berlepa/Batu

4.1 Mengecat Permukaan baru

4.1.1 Permukaan berlepa/baty yang baru hendaklah dibiarkan kering dengan sepenuhnya dan dibersihkan dan bebas dari habuk, kotoran, percikan lepa dan sebagainya. Bagi dinding lama yang belum bercat, sebarang cendawan lumut dan tumbuh-tumbuhan hendaklah juga ditanggalkan. Permukaan yang sudah dibersih itu hendaklah disapu dengan satu lapis cat asas kali serap perintang alkali yang diluluskan dan diikuti dengan dua lapis cat emulsi.

4.2 Mengecat Semula Permukaan Lama

4.2.1 Di mana mengecat semula permukaan lama ditentukan, cara-cara berikut hendaklah dipatuhi. Jika permukaan lama masih dalam keadaan baik, permukaan tersebut hendaklah dibasuh dan disapu dengan dua lapis cat emulsi. Jika permukaan cat lama telah rosak atau berkapur, cat tersebut hendaklah ditanggalkan dengan mengikis dan kemudiannya permukaan tersebut dibasuh. Semua keretakan dan lain-lain kecacatan hendaklah diperbaiki dan permukaannya dibiarkan kering sepenuhnya. Kemudian permukaan tersebut hendaklah disapu dengan satu lapis cat asas kalis serap perintang alkali yang diluluskan dan diikuti dengan dua lapis cat emulsi.

5. Rawatan Kepada Permukaan-Permukaan Kemas Sejati

5.1 Permukaan yang hendak disudahi tanpa berlapik seperti kerja bata muka, kerja konkrit muka atau batu-bata muka dan sebagainya hendaklah dibersih sepenuhnya, kering, bebas dari gris, habuk dan bahan-bahan terurai atau kelupas. Permukaan itu kemudiannya hendaklah dirawat dengan cecair jernih pencegah air yang berasaskan silikon yang diluluskan dan menepati Piawaian British B.S 3826 dan digunakan mengikut peraturan pembuat. Cecair tersebut hendaklah disapukan dengan berus dalam dua lapisan pada keseluruhan permukaan serta celah-celahnya.

6. Mengecat Bahan-bahan Berasaskan Kayu

6.1 Permukaan Chipboard

Sebelum mengecat semua lubang paku, retak dan sebagainya hendaklah ditampal dengan campuran timah putih dan dempul (1:3). Permukaannya hendaklah dilicinkan dengan mengguna kertas pasir halus dan dibersihkan daripada debu. Di mana permukaan hendak dikemaskan dengan cat enamel, satu lapis asas dan dua lapis cat kemasan daripada jenis

Dokumen Meja Terkawal

cat kilat enamel hendaklah digunakan. Jika permukaan hendak dikemaskan dengan cat emulsi, dua lapisan cat tersebut hendaklah digunakan. Di mana mengecat semula permukaan lama chipboard yang telah dikemaskan dengan cat enamel dikehendaki, cara-cara berikut hendaklah dipatuhi. Jika cat asal itu masih elok, ianya hendaklah digosok dengan kertas pasir halus mengikut sepertimana yang diluluskan oleh P.P. Kemudian satu lapis cat asas hendaklah disapu diikuti dengan satu lapis cat enamel kilat. Di mana keretakan atau kelupas telah berlaku, keseluruhan cat yang asal hendaklah ditanggalkan dengan cara membakarnya mengikut sepertimana diluluskan oleh P.P. permukaan itu kemudiannya hendaklah dibersihkan dengan sempurna dan disapu dengan satu lapis cat asas dan dikemaskan dengan dua lapis cat kilat enamel. Di mana mengecat semula permukaan lama chipboard yang telah dikemaskan dengan cat emulsi dikehendaki, permukaan itu hendaklah dibersihkan dengan sempurna dan disapu dengan dua lapis cat emulsi.

6.2 Permukaan Kepingan Serau / Kepingan Keras

Sebelum mengecat kepingan serau/kepingan keras, semua lubang paku dan sebagainya hendaklah ditampal dengan dempul yang diluluskan. Permukaan itu kemudiannya hendaklah disapu dengan dua lapis cat emulsi kecuali jika selainnya ditentukan.

6.3 Permukaan Kepingan Kayu Simen

Permukaan yang hendak dicat hendaklah digosok secara ringan dengan kertas pasir dan sebarang habuk hendaklah disapu dari permukaan dengan kain kasar yang bersih. Sebarang sebatian yang digunakan untuk menampal hendaklah dari jenis perintang alkali.

7. Mengecat Kepingan Gipsum, Kepingan Asbestos dan Sebagainya.

7.1 Sebelum mengecat, permukaan yang hendak dicat itu hendaklah bersih dan bebas dari debu. Permukaan itu kemudiannya hendaklah disapu dengan dua lapisan cat emulsi. Cara yang sama hendaklah diikuti bila mengecat semula permukaan cat lama.

8. Mengecat Bahagian Atas Meja Makmal

8.1 Permukaan kayu bahagian atas meja makmal yang hendak dicat hendaklah disediakan sebagaimana dihuraikan sebelum ini untuk permukaan kayu. Permukaan itu kemudiannya hendaklah disapu dengan satu lapisan cat asas aluminium untuk kayu diikuti dengan satu lapis cat asas perintang kimia yang diluluskan dan dikemaskan dengan dua lapis cat kilat enamel perintang kimia yang diluluskan dan digunakan mengikut peraturan pembuat. Di mana mengecat semula permukaan kayu bahagian atas meja makmal dikehendaki, permukaan itu hendaklah digosok secara ringan dengan kertas halus. Permukaan itu kemudiannya hendaklah dibersihkan dengan sempurna dan disapu dengan satu lapis cat asas perintang kimia yang diluluskan diikuti dengan satu lapis cat kilat enamel perintang kimia.

9. Kerja Varnis

9.1 Memvarnis Permukaan Baru

Permukaan yang hendak disapu dengan varnis hendaklah dilicinkan dahulu dengan kertas pasir halus dan semua celah-celah, lubang-lubang dan sebagainya, jika ada hendaklah dipadat dengan tepung peputih yang diluluskan. Permukaan hendaklah bersih, kering, bebas dari habuk, kotoran dan lilin sebelum disapukan varnis. Kecuali jika selainnya diluluskan, permukaan tersebut hendaklah disapu dengan dua lapis bancuhan varnis yang diluluskan dan digunakan mengikut peraturan pembuat. Di mana bahan-bahan yang tidak berpaten dibenarkan untuk diguna, bancuhan varnis hendaklah mengandungi minyak spirit, syelek dan gandam yang diluluskan bagi lapisan pertama dan diikuti dengan satu lapis bancuhan yang diluluskan terdiri daripada pencair dan sampang. Bancuhan ini hendaklah keseluruhannya dari campuran yang seragam. Kecuali jika selainnya ditentukan, lapisan kemasan hendaklah berkilat.

Dokumen Meja Terkawal

BAHAGIAN N – KERJA-KERJA DISEKITAR BANGUNAN

Bahagian N.1 – Jalan Dan Dataran Kejat

1. Kehendak Am

1.1 Pembinaan jalan dan dataran kejat hendaklah dijalankan hanya selepas penyiapan semua kerja sistem perparitan, sesalur bekalan dan saluran-saluran yang boleh menjejas kerja tersebut melainkan jika dipersetujui selainnya oleh P.P.

2. Penyediaan Sub-gred

2.1 Penyediaan sub-gred hendaklah dijalankan sejurus sebelum lapisan asas dibina. Semua tanah yang lembut ataupun bahan yang tidak sesuai di paras sub-gred hendaklah dibuang dan digantikan dengan tanah yang bermutu ataupun bahan tambunan lain yang diluluskan.

2.2 Di mana tambunan diperlukan untuk mendapatkan paras yang diperlukan, Kontraktor hendaklah membekal dan menambun tanah yang bermutu ataupun bahan tambunan lain yang diluluskan dan menambunnya tidak melebihi 255 mm tebal lapisan gembur bagi setiap lapisan.

2.3 Permukaan untuk sub-gred dan setiap lapisan tambunan hendaklah digelek dan dimampatkan sekurang-kurangnya 12 kali laluan oleh jentera penggelek jalan yang beroda licin seberat 8 ton untuk mendapat ketumpatan seragam sehingga pergerakan minimum diperolehi dan diluluskan oleh P.P. Lapisan-lapisan yang dimampatkan dan sub-gred hendaklah mempunyai nisbah CBR (tanpa basah) tidak kurang dari 15% dan hendaklah diluluskan oleh P.P sebelum meneruskan lapisan yang berikutnya.

3. Liputan Kepada Sub-gred

3.1 Lapisan sub-gred yang telah disediakan hendaklah diliputi dengan habuk kuari atau pasir dan diratakan sehingga setebal 50 mm selepas dimampatkan. Jika pasir digunakan ia hendaklah dari jenis yang telah digred dan bersih dari bahan-bahan tanah liat atau organik dan diluluskan oleh P.P. Semua sub-gred yang telah diliputi dengan habuk kuari atau pasir hendaklah diluluskan oleh P.P sebelum lapisan asas dibina.

4. Lapisan Asas

4.1 Lapisan asas hendaklah dibina dari batu kerikil yang diperolehi dari pecahan batu-batan yang bermutu dari gred yang sempurna mengikut saiz maksimum 75 mm dan bersih dari bahan-bahan yang bertanah liat dan organik.

4.2 Kecuali jika selainnya dinyatakan, lapisan asas hendklah dibina dalam dua lapisan setebal 200 mm setelah dimampatkan. Untuk lapisan yang pertama, batu kerikil hendaklah diratakan sehingga setebal 125 mm lapisan gembur dan hendaklah dimampatkan dan digelek sekurang-kurangnya 4 kali laluan oleh jentera penggelek jalan yang beroda licin seberat 8 ton. Semua ruang perantaraan yang terdapat dipermukaan lapisan asas hendaklah dipenuhi dengan batu kerikil bersaiz 19 mm dan penggelekan hendaklah diteruskan sehingga tidak berlaku sebarang pergerakan akibat tekanan jentera penggelek jalan.

4.3 Permukaan yang dimampatkan hendaklah kemudiannya dilitupi dengan habuk kuari dan direnjis dengan air dan disapukan ke dalam ruang perantaraan dan dimampatkan sekurang-kurangnya 6 kali laluan dengan jentera penggelek jalan yang sama. Proses yang sama hendaklah diulangi untuk lapisan kedua.

4.4 Sebelum membina lapisan kedua, Kontraktor hendaklah mendapat kelulusan dari P.P dan hendaklah membina rusuk jalan dan rusuk dataran kejat dari tanah yang bermutu disemua tepi supaya dapat menyokong tepian lapisan asas dan lapisan haus.

Dokumen Meja Terkawal

5. Lapisan Haus

5.1 Premix

5.1.1 Di mana premix digunakan untuk lapisan haus, permukaan lapisan asas hendaklah dibersihkan sepenuhnya dengan berus atau penyapu untuk membuang segala habuk dan satu lapisan tipis bitumen cecair jenis R.C 4 yang dipanaskan pada suhu di antara 90 darjah centigrade pada 112 darjah centigrade hendaklah disembur samarata pada kadar 0.435 liter semeter persegi permukaan.

5.1.2 Premix hendaklah diperolehi dari sumber yang diluluskan. Batu baur di dalam premix hendaklah berukuran diantara 12.5 mm hingga 19 mm. Premix hendaklah ditutup dengan rapi semasa mengangkut untuk melindungi dari cuaca buruk dan untuk mengurangkan kehilangan haba semasa dalam perjalanan. Premix hendaklah digunakan secepat yang boleh dan hendaklah diratakan di atas lapisan asas. Ianya hendaklah digelek serta dimampatkan kepada ketebalan yang samarata sebagaimana yang diluluskan oleh P.P. kecuali jika selainnya dinyatakan lapisan haus hendaklah setebal 50 mm setelah dimampat.

5.2 Permukaan Semi-Grout.

Di mana semi-grout digunakan untuk lapisan haus, permukaan lapisan asas hendaklah dibersihkan sepenuhnya dengan berus dawai atau penyapu untuk membuang habuk dan satu lapisan batu kerikil bersaiz diantara 37.5 mm sehingga 62.5 mm hendaklah diratakan setebal 62.5 mm (gembur) dan diikuti dengan satu lapisan batu kerikil bersaiz 25 mm sehingga 37.5 mm. Lapisan tersebut hendaklah dimampatkan oleh 8 kali laluan dengan jentera penggelek jalan seberat 8 ton ataupun sehingga tiada sebarang pergerakan batu kerikil akibat tekanan jentera penggelek jalan dan bagi permukaan jalan, ianya hendaklah dibina mengikut kamber 1 dalam 40 atau miring liku betul pada selekoh. Batu-batu (19 mm nominal) hendaklah kemudiannya ditabur dan digelek untuk menutup semua rongga-rongga yang terdapat di permukaan. Permukaan itu kemudiannya hendaklah diturapkan dengan menggunakan bitumen biasa ketelusan 80/100 pada kadar 4.08 liter semeter pesegi. Satu lapisan batu (19 mm nominal) hendaklah diratakan untuk meliputi keseluruhan permukaan dan digelek secara sederhana. Kemudian lapisan pengikat hendaklah disiram rata pada kadar 1.36 liter semeter persegi dan dilitupi dengan satu lapisan batu (19 mm nominal) dan digelek secara sederhana. Habuk kuari atau pasir yang berlebihan hendaklah disapu keluar dari permukaan.

Dokumen Meja Terkawal

Bahagian N.2 – Saliran Air Permukaan Dan Pembetung

1. Penggalian

1.1 Penggalian Amnya

1.1.1 Kecuali jika selainnya dinyatakan di bawah ini, semua kerja penggalian di dalam bahagian ini hendaklah sepertimana dihuraikan dalam KERJA PENGGALIAN. Penggalian bagi semua longkang dan pembetung hendaklah dilaksanakan tanpa membahayakan atau menganggu lalulintas atau orang awam. Penggalian hendaklah dilaksanakan mengikut dimensi dan aras sepertimana yang ditunjukkan di dalam pelan-pelan atau yang diluluskan oleh P.P. Semua penggalian hendaklah diperiksa dan dilulus oleh P.P sebelum kerja selanjutnya diteruskan. Peparit hendaklah terlebih dahulu digali ke aras 150 mm kurang dari aras yang dikehendaki atau sepertimana yang ditunjukkan di dalam pelan-pelan. Baki penggalian hendaklah dijalankan hanya sejurus sebelum meletakkan bahan-bahan lapis kedap. Sekiranya Kontraktor telah menggali ke paras yang lebih dari paras yang dinyatakan paras tersebut hendaklah dibetulkan dengan menggunakan tanah dan pasir yang bermutu yang dipadatkan dengan sempurna di atas perbelanjaan Kontraktor sendiri.

1.2 Penggalian Batu

1.2.1 Di mana batu dijumpai semasa penggalian peparit, ianya hendaklah dikeluarkan sepertimana yang diluluskan oleh P.P. Di mana lapisan batu di jumpai di sepanjang aras penggalian peparit, ianya hendaklah dipotong dan ditarah ke aras yang diperlukan. Semua rongga yang terdapat di bawah aras peparit akibat dari pengeluaran batu hendaklah ditimbus kepada aras yang diperlukan dengan menggunakan konkrit (1:3:6 – 37.5 mm) atau bahan-bahan lain yang sesuai dan dipadat dan mampat dengan sempurna, sepertimana yang diluluskan oleh P.P. Permukaan peparit yang bergerigi akibat dari penarahan batu hendaklah diratakan dengan menggunakan lapis kedap pasir sepertimana yang diluluskan oleh P.P.

2. Longkang

2.1 Longkang Konkrit Tuang Dulu

Semua unit longkang konkrit tuang dulu hendaklah diperbuat dari konkrit (1:2:4 – 19 mm mak. Batu baur) dan hendaklah dari jenis yang padat dan tidak telus air, bebas dari lubang angin dan lain-lain kecacatan diluluskan oleh P.P. Longkang konkrit tuang dulu hendaklah diawet selama 7 hari sebelum digunakan. Tiap-tiap unit longkang hendaklah berukuran 600 mm panjang dan mengikut bentuk, saiz dan dimensi seperti yang dinyatakan dan hendaklah mempunyai permukaan dalam yang licin. Kecuali jika selainnya dinyatakan di dalam pelan-pelan, unit longkang hendaklah diletak di atas pengalas konkrit (1:3:6 – 25 mm) setebal 75 mm dan dibina dengan mempunyai kecerunan yang betul dan sambungan yang lurus dan selari mengikut aras. Semua sambungan hendaklah diturap dengan simen.

2.2 Longkang Tingkat

Longkang tingkat hendaklah dibina daripada unit-unit longkang konkrit tuang dulu dan dibina bertangga beralaskan konkrit (1:3:6 – 25 mm) setebal 159 mm sepertimana yang diperincikan dalam pelan-pelan atau sepertimana yang diluluskan oleh P.P.

Dokumen Meja Terkawal

3. Pembetung

3.1 Pembetung Jenis Paip

3.1.1 Paip

Paip untuk pembetung hendaklah diperbuat dari konkrit bertetulang jenis tuang putar dari buatan yang diluluskan dan mematuhi Spesifikasi Piawai Australia A.35 – 1957 bagi paip-paip kelas 'S', 'X', 'Y', 'Z' atau paip-paip lain yang setaraf mutunya yang boleh diterima dan diluluskan oleh P.P. paip-paip tersebut hendaklah mempunyai sambungan simpai atau spigot dan soket yang diperbuat dari jenis konkrit yang sama sepertimana yang ditunjukkan dalam pelan-pelan.

Setiap bahagian paip hendaklah ditandakan dengan jelas seperti berikut :-

i) Kelas paip
ii) Tarikh diperbuat
iii) Nama dan tandaniaga pembuat

P.P mempunyai hak untuk meminta Sijil Ujian dan untuk meminta ujian-ujian dijalankan ke atas sampel-sampel paip semuanya di atas tanggungan Kontraktor sendiri. Penerimaan setiap bahagian paip boleh ditolak di atas sebab-sebab berikut :-

i) Keretakan yang menembusi dinding paip kecuali keretakan pada hujung paip yang tidak melebihi ukuran dalam sambungan paip tersebut.
ii) Kecacatan yang menunjukkan ketidaksempurnaan dalam proses pengkadaran, bancuhan dan pembentukan konkrit ke dalam acuan.
iii) Kecacatan pada permukaan paip yang menunjukkan berlakunya keadaan petakan sarang lebah atau keadaan menggerutu pada konkrit.
iv) Kerosakan pada hujung paip di mana kerosakan tersebut boleh menjejaskan penyambungan dibuat dengan sempurna.

3.1.2 Pemasangan Paip

Paip hendaklah dipasang dengan sambungan simpai atai spigot dan soket dan tepat pada jajaran dan kecerunan sepertimana yang ditunjukkan di dalam pelan-pelan atau yang diluluskan oleh P.P. Kerja pemasangan paip dan pembinaan alas dan rusuk konkrit hendaklah dilaksanakan tepat mengikut peraturan pembuat. Kecuali jika selainnya ditentukan, hujung-hujung paip hendaklah ditemu tepat dan simpainya dipasang di tengah-tengah sambungan dengan menggunakan baji ataupun dengan cara lain yang diluluskan.
Ruang di pergelangan paip kemudiannya hendaklah ditutup dengan mortar campuran simen dan pasir (1:3) yang telah dibancuh dengan air untuk memastikan upaya kerja mencukupi dan baji dikeluarkan sebelum memperkemaskan sambungan tersebut. Sebarang lebihan mortar simen pada sambungan hendaklah diratakan dengan rapi.

3.1.3 Rusuk dan Pembalut Pada Paip

Pengalas dan rusuk pada paip hendaklah diperbuat daripada konkrit (1:2:4 – 19 mm) dan dibina sepertimana yang ditunjukkan di dalam pelan-pelan Kontraktor hendaklah memadatkan konkrit di bawah dan di sekeliling paip untuk mendapatkan pengalas yang sama rata dan kepadatan pada konkrit. Konkrit tidak boleh dilempar terus ke atas paip-paip. Permukaan atas konkrit hendaklah dikemaskan dengan menggunakan kayu perata atau templat.

3.1.4 Kecuali jika selainnya ditunjukkan, pembalut konkrit hendaklah dibina dari paras atas konkrit dalam bentuk keratan empat persegi setebal sekurang-kurangnya 150 mm di sekeliling paip.

Dokumen Meja Terkawal

3.2 Pembetung Kekotak

3.2.1 Kekotak Konkrit

Pembetung kekotak konkrit hendaklah dari jenis bertetulang tuang dulu dari buatan yang diluluskan dan mematuhi Spesifikasi Piawaian Australia A.136 : 1963 atau kekotak-kekotak lain yang setaraf mutunya yang boleh diterima dan diluluskan oleh P.P. Kecuali jika selainnya ditunjukkan di dalam pelan-pelan, kekotak konkrit hendaklah berupaya menanggung ujian ketahanan beban seberat 9071.85 kg yang dikenakan pada sebarang tempat seluas 375 mm x 75 mm di atas papak penutup. P.P berhak memeriksa Sijil Ujian bagi kekotak-kekotak konkrit yang dibekalkan.

3.2.2 Penerimaan setiap bahagian kekotak konkrit boleh ditolak di atas sebab-sebab yang dinyatakan sebelum daripada ini untuk pembetung jenis paip.

3.2.3 Pemasangan Kekotak Konkrit

Unit-unit pembetung kekotak konkrit hendaklah dipasang dekat di antara satu sama lain dan ruang yang maksimum di antara dua unit hendaklah tidak melebihi 13 mm dan perbezaan aras di antara dua unit hendaklah tidak melebihi 3 mm. Ruang tersebut hendaklah ditutup dengan mortar simen (1:3) dan dikemas rata. Untuk memastikan kemasan yang seragam, satu lapisan turap simen hendaklah diratakan pada keseluruhan bahagian atas dinding bagi lantai dasar di mana penutup pembetung akan ditempatkan.

4. Pengambusan Peparit

4.1 Pengambusan peparit hendaklah dilaksanakan sebaik sahaja selesai kerja-kerja pemasangan longkang atau pembetung dan sebaik sahaja selepas P.P memeriksa dan meluluskannya.

4.2 Dalam pengambusan peparit untuk longkang, bahan-bahan tambunan yang diluluskan hendaklah diratakan dalam lapisan-lapisan yang tidak melebihi 150 mm tebal bagi setiap lapisan. Untuk menghasilkan sokongan yang seragam bagi longkang, bahan-bahan tambunan gembur di kedua-dua belah tepi longkang hendaklah dimampatkan sepenuhnya dengan menggunakan pemampat berjentera. Prosidur ini hendaklah diikuti untuk keseluruh ukuran dalam bahagian longkang.

4.3 Dalam pengambusan peparit untuk pembetung, jentolak dan peralatan pemampatan tanah tidak dibenarkan dikendali pada jarak kurang dari 2 m dari tepi pembetung sehingga pembetung tersebut telah dikambus sekurang-kurangnya satu perempat ukuran dalamnya, tetapi dalam semua keadaan, ukuran dalam tersebut hendaklah tidak kurang dari 600 mm, kecuali jika selainnya diluluskan oleh P.P. Peralatan ringan boleh dikendalikan melebihi had yang dinyatakan di atas selepas tambak dibina dan dipadatkan untuk mengadakan lapisan pelindung minimum setebal 300 mm pada bahagian atas pembetung.

Dokumen Meja Terkawal

Bahagian N.3 – Pagar Dan Pintu Pagar

1. Kehendak Am

1.1 Kecuali jika selainnya ditunjukkan di dalam pelan-pelan, pagar hendaklah dari jenis dawai rangkai yang mematuhi Piawaian British B.S 1172.

1.2 Kecuali jika selainnya dinyatakan, tinggi pagar hendaklah 1500 mm dari aras tanah sehingga keseluruhan tinggi dawai rangkai jaringan.

1.3 Pagar hendaklah dibina mengikut had dan lokasi sepertimana ditunjukkan di dalam Pelan Tapak. Di mana pagar perlu dibina di sepanjang sempadan kawasan, Kontraktor hendaklah memastikan bahawa pembinaannya tidak melampaui kawasan yang bersebelahan.

2. Tiang dan Palang Pengukuh Keluli Sederhana

2.1 Kecuali jika selainnya ditunjukkan di dalam pelan-pelan, tiang dan palang pengukuh sesiku hendaklah dari keluli sederhana dan berukuran 57 mm x 57 mm x 6 mm. Semua bahagian keluli untuk pagar dan pintu pagar hendaklah bebas dari karat, keruping dan kecacatan-kecacatan yang lain dan yang diluluskan oleh P.P. Bahagian-bahagian keluli yang telah digunakan tidak boleh digunakan bagi pembinaan pagar dan pintu pagar yang baru. Sebelum dibawa ke tapakbina, bahagian-bahagian keluli untuk pagar dan pintu pagar hendaklah terlebih dahulu dipotong, dipasang dan dicatkan dengan satu lapisan cat asas logam yang diluluskan di bengkel Kontraktor.

2.2 Di mana 3 lembar dawai berduri diperlukan, satu cabang keluli sederhana 430 mm panjang yang mempunyai dimensi keratan lintang yang sama dengan tiang pada kecondongan 45 darjah. Di mana 6 lembar dawai berduri diperlukan, 2 cabang keluli sederhana sepertimana ditentukan sebelum daripada ini, hendaklah dikimpal pada bahagian atas setiap tiang untuk menjadi bentuk 'Y' dengan setiap cabang mempunyai 3 lembar dawai berduri. Jenis kimpal yang digunakan hendaklah dari jenis kimpal kambi berterusan. Lubang-lubang yang perlu hendaklah diadakan pada tiang-tiang, cabang dan palang pengukuh untuk pemasangan bolt dan klip.

3. Jaringan Dawai Rangkai Dawai Penegang Dan Dawai Berduri

3.1 Jaringan dawai rangkai, dawai penegang dan dawai berduri hendaklah diperbuat dari keluli bergalvani dari mutu yang diluluskan. Jaringan dawai rangkai hendaklah berukuran 64 mm yang diperbuat dari dawai yang berdiameter 3.25 (tolok 10). Dawai penegang hendaklah berdiameter 4.06 mm (tolok 8) dan dawai berduri hendaklah berdiameter 2.64 mm (tolok 12).

4. Pemagaran

4.1 Kecuali jika selainnya ditunjukkan di dalam pelan-pelan, tiang sesiku keluli sederhana hendaklah didirikan pada setiap jarak 3000 mm, bermula dari tiang pintu pagar dan tiang-tiang tersebut hendaklah dibenamkan tegak ke dalam asas konkrit (1:3:6 – 25 mm) yang berukuran 250 mm x 250 mm x 600 mm dalam. Palang pengukuh sesiku keluli sederhana yang mempunyai ukuran keratan lintang yang sama seperti tiang hendaklah dipasang pada semua penjuru, liku, simpang, tiang pintu pagar dan di setiap 5 petak pagar lurus.

4.2 Palang pengukuh hendaklah dipasang pada kecondongan 45 darjah kepada garis ufuk dengan bahagian hujung atasnya diboltkan pada tiang 300 mm di bawah bahagian atas tiang dan bahagian bawahnya dilitupi dengan asas konkrit sepertimana yang dihuraikan sebelum daripada ini.

4.3 Jaringan dawai rangkai hendaklah diregang merintangi tiang dan diikat kukuh dengan menggunakan klip pagar yang diluluskan. Hujung jaringan dawai rangkai yang bertemu dengan tiang pintu pagar keluli sederhana hendaklah dilekatkan dengan menggunakan jejalur keluli sederhana berukuran 19 mm x 3 mm yang dicucuk menerusi jaringan dan diboltkan dengan menggunakan bolt keluli sederhana yang berdiameter 10

Dokumen Meja Terkawal

mm kepada plat keluli sederhana berukuran 25 mm x 25 mm x 6 mm yang dikimpalkan kepada di mana tiang pintu pagar bukan dari jenis logam, penamatan pemagaran di pintu pagar hendaklah dengan menggunakan tiang sesiku keluli sederhana yang lain dipasang pada sisi tiang pintu pagar dan diteguhkan dengan menggunakan palang pengukuh sepertimana yang dihuraikan sebelum daripada ini. Jaringan dawai rangkai hendaklah kemudiannya diregang oleh 3 lembar dawai keluli bergalvani berdiameter 4.06 mm (tolok 8) yang dicucuk menerusi jaringan dan diikat pada tiang.

4.4 Di mana ditunjukkan di dalam pelan-pelan, bahagian bawah jaringan dawai rangkai hendaklah dibenamkan ke dalam susur konkrit (1:3:6 – 25 mm) yang berterusan. Kecuali jika selainnya diperincikan di dalam pelan-pelan, ukuran keratan lintang bagi susur hendaklah 125 mm lebar x 375 mm tinggi, di mana 150 mm menonjol keluar dari aras tanah. Bahagian susur yang menonjol keluar di atas aras tanah hendaklah dilepekan dengan lepekan simen (1:6) etebal 13 mm dan dikemaskan dengan kayu perata.

5. Pintu Pagar

5.1 Pintu pagar hendaklah dibina sepertimana diperincikan di dalam pelan-pelan.

6. Mengecat Pagar Dan Pintu Pagar

6.1 Cat asas logam yang telah disapu pada keluli sebelumnya di bengkel hendaklah diperbaiki semula di mana perlu. Kecuali jika selainnya dinyatakan, tiang-tiang palang pengukuh dan pintu pagar hendaklah dikemaskan dengan dua lapisan cat aluminium yang diluluskan.

Dokumen Meja Terkawal

Bahagian N.4 – Penanaman Rumput Dan Pokok

1.	Kehendak Am	1.1 Semua penanaman rumput dan pokok hendaklah dijalankan dengan sebegitu cara supaya mengurangkan risiko kerosakan dan pertumbuhan yang terencat pada rumput dan pokok-pokok. Penanaman rumput pada tebing atau cerun hendaklah dijalankan sebaik saja selepas tebing atau cerun dibentuk. Pokok-pokok hendaklah ditanam secepat mungkin yang praktik.
2.	Penyediaan Permukaan Tanah	2.1 Permukaan tanah yang hendak ditanam dengan rumput hendaklah dibentuk supaya mencuram ke arah garis alir air permukaan sepertimana yang ditunjuk di dalam pelan-pelan atau sepertimana yang diluluskan oleh P.P. Bagi permukaan tanah yang rata, kecerunan minimum 1:60 hendaklah disediakan untuk mengelakkan dari penakungan air. Sebarang tumbuhan, puing, tunggul atau akar yang tidak diingini hendaklah dicungkil dan dibuang dari tapakbina.
3.	Tanah Hitam	3.1 Tanah hitam hendaklah mengandungi tanah atas yang subur yang diperolehi dari sumber yang diluluskan.
4.	Kepingan Rumput	4.1 Setiap keping rumput hendaklah berukuran 200 mm persegi dengan mempunyai tanah asas yang purata tebalnya 50 mm, diperolehi dari sumber yang diluluskan dan bebas dari lalang dan lain-lain tumbuhan.
5.	Tumbuhan Renik Dan Pokok	5.1 Semua tumbuhan renik dan pokok hendaklah dari jenis yang diluluskan dan dalam keadaan pertumbuhan yang subur.
6.	Penanaman Rumput	6.1 Kecuali jika selainnya ditunjukkan di dalam pelan-pelan, permukaan tebing dan cerun hendaklah ditanam dengan rumput tanam-rapat. Kepingan rumput hendaklah dipasak pada tempatnya dengan menggunakan pasak kayu yang berdiameter 12 mm dan panjangnya 200 mm..
7.	Penanaman Pokok	7.1 Penyediaan Lubang Pada amnya semua lubang untuk menanam pokok hendaklah berukuran tidak kurang dari 350 mm x 450 mm x 450 mm dalam dan dengan jarak di antara satu sama lain sepertimana yang ditunjukkan di dalam pelan-pelan atau yang diluluskan oleh P.P. Untuk tumbuhan renik, ukuran lubang boleh dikurangkan kepada 200 mm x 200 mm dalam di mana perlu. Bahagian bawah lubang atau peparit hendaklah terlebih dahulu diratakan dengan selapis tanah hitam sebelum pokok ditanam. 7.2 Menanam Pokok Sejurus sahaja sebelum ditanam, pokok hendaklah di keluarkan dari beg semaian atau pasu. Pokok tersebut kemudiannya hendaklah diletakkan ke dalam lubang dan sekelilingnya dikambus dengan tanah hitam dengan memastikan akar-akar tidak terganggu. Paras tanah liat di sekeliling batang pokok hendaklah dibina rendah sedikit daripada paras tanah asal untuk menyenangkan penakungan air.
8.	Pemeliharaan Dan Pengawalan Pokok Yang Sedia Ada	8.1 Pengawalan Semua pokok dan tumbuhan renik yang dikenalpasti untuk dipelihara dan dikekalkan tidak boleh ditebang dan hendaklah dilindungi dari sebarang kerosakan sepanjang tempoh kontrak. Di mana perlu, pagar sementara hendaklah didirikan disekeliling setiap pokok atau kumpulan pokok atau pangkal pokok hendaklah dibalut dengan bahan pelindung yang sesuai setinggi 1.5 m dari aras tanah.

Dokumen Meja Terkawal

8.2 Pencegahan Dari Pencemaran Tanah

Tanah di sekeliling pokok hendaklah dikawal untuk mengelakkan dari sebarang pencemaran yang boleh merosakkan pertumbuhan pokok. Cara perlindungan hendaklah sepertimana diluluskan oleh P.P.

9. Penjagaan

9.1 Kontraktor hendaklah menjaga dan memelihara rumput, tumbuhan renik dan pokok-pokok dari rosak dan binasa dengan menyiram air, membaja dan menggembur tanah sehingga akhir Tempoh Tanggungan Kecacatan. Penyangga dan pagar sementara hendaklah diadakan di mana perlu untuk menupang dan memelihara pokok. Semua rumput, tumbuhan renik dan pokok-pokok yang rosak dan mati dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan hendaklah diganti atau ditanam semula sewajarnya.

Dokumen Meja Terkawal

ELECTRICIAN

1. SCOPE

Supply and install the whole electrical installation including the connection of temporary power for the duration of the job, all wiring, switch-boards, metering and fittings as shown on the drawings and specified hereafter.

Electrical works to be carried out by a licenced electrical firm.

The whole installation, workmanship and materials to comply with the regulations and requirements of the National Electricity Board and any other relevant authorities.

2. CONCEALED WIRING

All wiring shall be P.V.C. insulated sheathed cables of Malayan Cables or approved equivalent.

Conceal wiring in walls and conduit in ceiling.

For 'natural' (fairface) masonry work, wiring to run in joints or built in concrete work.

Where work is to plastered, wiring shall run in chases sunk neatly in the masonry and secure firmly by means of lead saddles. Plaster cover 1/2" minimum.

All wiring must be completed and inspected before surfaces are plastered.

Where wiring is carried though walls, partitions and floors, it is to run conduits. Conduit shall project at least 1/8" over all flush surfaces and 1" above floors.

Wiring shall be of the "loop-in" system without joints.

3. ACCESSORIES & APPARATUS

All fittings, accessories and apparatus shall be "MK" or approved equivalent. Gang switches together in large units. Socket outlets earthed and supplied 3 pin flush plugs.

Submit samples to the Architect for approval before commencement of work.

Replace any workmanship or materials deemed unsatisfactory by the Architects.

Only approved patent plugs to be used for fixing.

4. TEAR SYSTEM

Where required, capping, casings, blocks, blocks and backings to be of teakwood of sufficient dimensions to accommodate the wires cut outs, switches, plugs, fuse boxes and meters.

Dokumen Meja Terkawal

5. POSITIONS OF OUTLETS

Unless otherwise instructed or shown on drawings, fix light switches 5' 0" above finished floor level and socket 9".

Check all dimensions and obtain such measurements and information as may be required to carry out the work.
Outlets are located in their approximate positions only the drawings and should any shifting be required to locate them properly to conform to the details of the building the Electrical Contractor shall do such work without additional cost. It is necessary that the Electrical Contractor should familiarize himself with the Architectural details of the building and obtain from the Architect the exact location of all outlets.

The Electrical Contractor shall be held be held to have verified locations of all outlets and equipment given and should be fine that the work of any of the various trades interferers with the installations or use of the work shown, he shall promptly report the fact to the Architect for adjustment.

Should the Electrical Contractor proceed without obtaining this adjustment he shall bear all extra coats involved in the settlement of any complications that may arise thereform.

6. EARTHING

Tenderers to investigate earth condition on site and allow for adequate earthing system.

The Contractor is deemed to have allowed for all contingencies in the work.

Earthing electrodes shall be of 5/8" diameter "Non-Rusting Copperweld Round Rods" driven into the ground at approved positions and depths to N E B's requirement.

7. TESTING

Carry out such test as the N E B and any other authorities may deem necessary and submit evidence to the Architect that the whole of the installation has been tested and approved.

8. ELECTRICAL FITTINGS

Supply and install the following fittings :-

9 Nos.	1 x 40w (Philip TNB / E140) surface mounted with diffuser.
1 No.	16" diameter (G.E.C) wall.
2 Nos.	2 H.P. 'National air-con.unitscomplete with starter.

9. SWITCH BOARDS

Alteration and addition to existing switch board to L.L.N.'s requirement.

10. INCOMING SUPPLY

Electricity supply to be obtain from existing switch board to L.L.N.'s requirements.

DOKUMEN F

SYARAT-SYARAT KESELAMATAN, KESIHATAN PEKERJAAN DAN ALAM SEKITAR (KKPAS)

SYARAT-SYARAT KKPAS KEPADA KONTRAKTOR

Lampiran 5

NO.	PERKARA
1.	**Mengenalpasti Bahaya, Penilaian Risiko dan Penentuan Kawalan (HIRADC)** a) Penyediaaan Mengenalpasti Bahaya, Penilaian Risiko dan Penentuan Kawalan (HIRADC) untuk semua dan setiap aktiviti kerja yang dilakukan oleh kakitangan, pekerja dan pekerja kontrak. b) Menyiapkan, menyemak semula, mengemaskini dan menyerahkan HIRADC sebelum bermulanya setiap kerja sepanjang tempoh kontrak.
2.	**Pelan Keselamatan, Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar (KKPAS)** a) Penyediaan dan penyerahan Pelan Keselamatan, Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar (KKPAS) yang merangkumi prosedur – prosedur seperti yang tercatit di dalam Lampiran 3: Pelan KKPAS
3.	**Personel Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan atau Orang Kompeten** a) Operator Kren yang ditauliahkan oleh JKKP b) Pemeriksa Bulanan Peranti Mengangkat c) Penyelia Aktiviti Angkat-Mengangkat d) Penyelia Aktiviti Pengorekan dan Penggalian e) Pemeriksa Bulanan Mesin, Jentera dan Peralatan Berkuasa Mudah Alih f)Pengawal Keselamatan Tapak
4.	**Pengeluaran, Pematuhan dan Penutupan Permit Bekerja (*Permit To Work – PTW*)** Penyediaan, pengeluaran dan penutupan Sistem PTW untuk aktiviti-aktiviti yang berisiko tinggi termasuk, tetapi tidak terhad kepada: a) Angkat-mengangkat beban menggunakan *Mobile Crane* b) Angkat-mengangkat orang menggunakan *Skylift* atau *Boomlift atau Scissorslift* c) Penggalian atau pengorekan yang kedalamannya melebihi 2 meter d) Memasuki Ruang Terkurung atau *Confined Space* dibawah Kod Amalan Ruang Terkurung 2010 oleh JKKP atau *DOSH* e) Kerja-kerja runtuhan bangunan atau struktur f) Aktiviti-aktiviti yang melibatkan gangguan dan kemungkinan kemalangan kepada trafik atau lalulintas. g) Bekerja di tempat tinggi yang melebihi 2 meter seperti di atas Perancah, di atas bumbung, h) Aktiviti yang melibatkan penggunaan mesin X-Ray atau Bahan radioaktif untuk tujuan *Non Destructive Testing (NDT)* i) Kerja-kerja Panas atau *Hot Work* yang boleh menyebabkan kebakaran atau letupan seperti mengimpal, mencanai atau memotong besi j) Kerja yang dilakukan di waktu malam selepas pukul 7 pm
5.	**Mesyuarat Jawatankuasa KKPAS (Jika ada 40 Pekerja atau lebih)** Menjalankan mesyuarat dan pemeriksaan KKPAS dalam tempoh kontrak seperti: a) Mesyuarat Jawatankuasa setiap bulan bagi tempoh kontrak. b) Pemeriksaan Tempat Kerja oleh Jawatankuasa setiap bulan.
6.	**Pemeriksaan KKPAS di tapak** a) Pemeriksaan KKPAS di tapak oleh SHO atau SSS pada setiap hari
7.	**Induksi dan Latihan KKPAS** Menghadiri atau menjalankan latihan dan kursus induksi untuk setiap pekerja dan mana-mana kursus berkaitan yang diperlukan, untuk keseluruhan projek. a) Kursus CIDB Kad Hijau

Dokumen Meja Terkawal

	b) Kursus Induksi keselamatan dan kesihatan pekerjaan MBPJ c) Taklimat Harian KKPAS (*Tool box Talk)* d) Latihan berkenaan Peraturan Jawatan Kuasa KKPAS 1996 untuk ahli-ahli Jawatankuasa. e) Prosedur Kerja Selamat *(Safe Operating Procedure)* f) Bekerja di Tempat Tinggi g) Persediaan Kecemasan, Tindakan Kecemasan dan Pengosongan Bangunan/Tapak h) Memadamkan kebakaran i) Pertolongan Cemas dan *CPR* j) Keselamatan pengendalian bahan kimia k) Keselamatan pengendalian jentera, mesin dan peralatan seperti *Forklift, Overhead Crane*, Skylift, *Back Hoe, Bar bender, bar Cutter, Pile Rig*, dan lain lain yang berkenaan l) Keselamatan operasi mengangkat menggunakan Kren dan *Skylift* m) Keselamatan bekerja di atas jalan raya n) Keselamatan pemanduan berhemah di jalanraya o) Permit Bekerja dengan selamat (Permit To Work – PTW) p) Keselamatan Ruang Terkurung q) Penjagaan Alam Sekitar r) Dan lain-lain yang dirasakan perlu berdasarkan hasil penilaian HIRADC.
8.	**Penyediaan Permit Bekerja, Skim Insuran, CIDB *Green Card* dan Pemeriksaan Kesihatan** a) Pihak Kontraktor mestilah memastikan setiap pekerja yang bekerja di tapak mempunyai Permit Bekerja yang sah dari Jabatan Imigresen b) Pihak Kontraktor mestilah memastikan Skim Pampasan Insuran Nyawa atau Kemalangan kepada setiap pekerja c) Pihak Kontraktor mestilah memastikan setiap pekerja telah menghadiri Kursus Kad Hijau atau *Green Card* yang ditauliahkan oleh CIDB dan mempunyai *Green Card* CIDB yang sah sepanjang tempoh kontrak d) Pihak Kontraktor mestilah memastikan setiap pekerjanya sentiasa sihat mental dan fizikal ketika berada di tapak kerja. Pemeriksaan kesihatan yang berkala mestilah dilakukan ke atas setiap pekerja untuk memastikan kesihatan pekerja sentiasa terjamin semasa berada di tapak kerja.
9.	**Alatan Perlindungan Diri *(Personnel Protective Equipment – PPE)*** Menyediakan (mengikut keperluan yang tercatit di dalam Borang HIRADC), menyelenggara dan menggantikan mana-mana kerosakan alatan pelindung diri yang telah diluluskan oleh SIRIM atau JKKP *(DOSH)* atau Badan-Badan Antarabangsa yang bertauliah kepada semua **pekerja, pekerja sub kontrak.** a) *Vest* Keselamatan Berwarna Kuning dengan Pemantul Cahaya b) Cermin Mata Keselamatan atau *Safety Glasses* c) Gogal Keselamatan atau *Safety Goggles* d) Pelindung Muka atau *Face Shield* e) Abah-Abah Keselamatan atau *Safety Harness* dan Tali Penyangkut atau *lanyards* f) Kasut keselamatan atau *Safety boots* g) Sarung Tangan Keselamatan (Sarung tangan yang sesuai dengan aktiviti tersebut seperti Sarung Tangan Kalis Kimia untuk pengendalian bahan kimia) h) Topi keselamatan atau *Safety Helmet* i) Penyumbat atau Penutup Telinga atau *Ear Plugs* atau *Ear Muffs* j) Peralatan Perlindungan Pernafasan (untuk kerja-kerja ruang terkurung, berhabuk dan pendedahan kepada bahan kimia) k) Pakaian perlindungan atau *Coverall* l) Lain-lain (sila nyatakan)
10.	**Penyediaan Laporan Bulanan/Mingguan KKPAS** a) Menyediakan laporan bulanan atau mingguan KKPAS dan laporan penutupan hasil penemuan audit KKPAS kepada Penyelia Projek, iaitu Kakitangan MBPJ

11.	**Pemeriksaan dan Penyelenggaraan Berkala Peranti Mengangkat (Seperti *Wire Rope, Chain Block, Web Sling, Shackle, Eye bolts)* dan Penyimpanan Rekod** a) Pemeriksaan bulanan peranti mengangkat untuk memastikan penggunaan yang selamat b) Menyimpan dan menyelenggara secara berkala semua rekod pemeriksaan dan ujian
12.	**Pemeriksaan dan Penyelenggaraan Berkala Jentera & Mesin dan Penyimpanan Rekod** a) Pemeriksaan bulanan jentera, mesin dan peralatan berkuasa mudah alih untuk memastikan penggunaan yang selamat dan peranti keselamatan seperti suis kecemasan, *protective guard, sensor* keselamatan, *interlock* keselamatan sentiasa berfungsi. b) Pemeriksaan wajib oleh JKKP atau *DOSH* pada setiap 15 bulan untuk mesin dan jentera seperti *Mobile Crane, Tower Crane, Crawler Crane, Compressor, Pile Rig* dan *Skylift* c) Penyelenggaraan bulanan jentera, mesin dan peralatan berkuasa mudah alih secara berkala mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan oleh pihak Pengeluar atau Pembekal. d) Menyimpan dan menyelenggara secara berkala semua rekod pemeriksaan jentera, mesin, peralatan berkuasa mudah alih e) Jentera, Mesin dan Peralatan yang dimaksudkan termasuk, tetapi tidak terhad kepada: I. Kren menara dan peralatannya II. Kren mudah alih/ (*Mobile/Crawler crane)* dan peralatannya III. *Hoist* bahan dan *Hoist* penumpang *IV.* Pelantar Bekerja Berkuasa Turun Naik & Mudah Alih seperti *Skylift, Boom Lift, Scissors Lift* *V.* Mesin *Bar Bender* dan *Bar Cutter* VI. Penggerak utama *(Prime Mover* seperti *Disel Genset*) *VII.* Mesin pemotongan mekanikal seperti *Drill, Grinder, Cutter* VIII. Gondola atau Pelantar Tergantung IX. Peralatan dan mesin elektrik X. Perancah *XI.* Pengandung Tekanan dan Mesin Pemampat *(Compressor)* *XII.* Mesin Cerucuk (*Pile Rig)*, Mesin Cerucuk *Sheet Pile, Back Hoe* XIII. dan sebagainya
13.	**Peralatan Kecemasan atau Kecederaan** a) Menyediakan dan penyelenggaraan peti pertolongan cemas yang mencukupi b) Menyediakan sekurang-kurangnya nya seorang pekerja yang terlatih dengan ilmu Pertolongan Cemas yang sentiasa ada di tapak projek
14.	**Keselamatan Elektrik** a) Penggunaan *industrial plug*, soket, wayar penyambung, *Distribution Board (DB)* yang diluluskan oleh SIRIM b) Penjagaan dan penyelenggaraan wayar elektrik, wayar penyambung, soket dan *DB* c) Pemeriksaan bulanan kepada semua peralatan berkuasa elektrik d) Jarak selamat bekerja berhampiran dengan Wayar TNB di atas kepala (*TNB Overhead Electrical Transmission Cable*)
15.	**Keselamatan Kerja-Kerja Pengorekan atau Penggalian** a) Penyediaan dan penyelenggaraan pagar kawasan pengorekan atau penggalian untuk kedalaman melebihi 3 meter b) Pemasangan dan penyelenggaraan Papan tanda, kon keselamatan, tali keselamatan, lampu *spotlight* di waktu malam dan lampu kelip-kelip c) Penyediaan Pengawal Bendera jika pengorekan dilakukan di jalanraya. d) Tangga keluar masuk yang selamat untuk kedalaman melebihi 1.2 meter e) Pemeriksaan keselamatan kawasan pengorekan setiap minggu atau selepas hujan ribut dan banjir, dilakukan oleh Penyelia Pengorekan
16.	**Perancah (Scaffolding):** a) Menyediakan Pemasang Perancah yang terlatih dan mempunyai sijil latihan

	b) Memastikan setiap perancah yang dibina yang melebihi 3 meter diluluskan oleh Perancah Kompeten (Competent Scaffolder) yang bertauliah dan sah dari pihak JKKP atau *DOSH* dan ditandakan dengan *Scaffold Tag* Hijau. c) Memastikan perancah yang dibina dilengkapi dengan *base plate*, *sole board*, pelantar yang tidak terbuka atau ruang yang terbuka, *top rail, mid rail, toe board*, tangga turun naik yang khas dan struktur yang stabil.
17.	**Perlindungan Kepada Orang Awam & Alam Sekitar** a) Tiada bahaya kemalangan trafik disebabkan oleh kerja-kerja yang berhampiran dengan jalanraya awam b) Pembersihan lumpur dan tanah dari kenderaan yang keluar dari tapak kerja dan tiada pengaliran lumpur atau tanah dari tapak kerja ke longkang awam atau keluar dari tapak kerja. c) Tiada kebisingan yang melampau (Kurang dari 55 dBA di waktu malam dan kurang dari 65 dBA diwaktu siang) dari tapak kerja d) Tiada asap hitam (melebihi skala No. 1 Carta Ringlemann) yang dilepaskan oleh kenderaan atau jentera di tapak e) Penyaliran najis kumbahan ke tangki septic dan tidak ke longkang awam f) Pengawal lalulintas atau trafik di pintu masuk utama tapak kerja
18.	**Peralatan Pemadaman Kebakaran** a) Menyediakan dan menyelenggara alat pemadam api mudah alih yang mencukupi dan sah di tempat kerja b) Lain-lain peralatan menghadapi kecemasan seperti *Loud Hailer* dan *Siren*
19.	**Pencegahan Kejatuhan di Tempat Kerja** **a) Sisi dan tepi yang tidak dilindungi** Membekal, memasang, mendirikan dan menyelenggara pagar penghadang, *barricade* dan *toe board* untuk tepi / bukaan terdedah tetapi tidak terhad kepada: I. Bukaan perimeter bangunan II. Bukaan *Lift Shaft* III. Bukaan Lantai IV. Pelantar bekerja V. Pelantar muatan *(Loading platform)* **b) Susur Tangan** Menyediakan, memasang dan menyelenggara susur tangan sementara di tangga yang digunakan sebagai akses dan jalan keluar/masuk. **c) Penutupan sementara** Menyediakan, memasang dan menyelenggara penutupan sementara yang mencukupi dengan menggunakan bahan yang tebal dan kuat untuk mana-mana bukaan lantai apabila pagar penghadang/ *barricade* tidak sesuai digunakan. **d) Jaring Keselamatan/ *peripheral net*** Menyediakan, memasang dan menyelenggara jaring keselamatan dan *peripheral net* untuk mengelakkan kejatuhan objek **e) Sistem penangkap individu terjatuh** Menyediakan, memasang dan menyelenggara sistem penangkap individu jika terjatuh yang termasuk: I. *anchor/ hook* penyangkut *lanyard* keselamatan II. Abah-abah keselamatan atau *Safety Harness* III. *Lanyard* IV. *Wire Rope Static Life line* V. dan lain-lain yang perlu berdasarkan Borang *HIRADC* **f) Sistem mengawal pekerja dari jatuh dan lemas jikalau bekerja berjampiran sungai, tasik atau longkang besar** Penyediaan dan penyelenggaraan pagar penghadang atau pelampung atau *life jacket* dan papan

Dokumen Meja Terkawal

	tanda amaran
20.	**Kemudahan dan fasiliti kepada Pekerja.** **a) Stor Penyimpanan Barangan** Penyediaan dan penyelenggaraan setor penyimpanan barangan, peralatan dan bahan-bahan kerja yang mencukupi, teratur dan bersih **b) Tandas** Penyediaan dan penyelenggaraan tandas yang mencukupi kepada pekerja **c) Kemudahan Air Minuman** Penyediaan dan penyelenggaraan air minuman bersih yang mencukupi kepada pekerja **d) Pencahayaan** Penyediaan dan penyelenggaraan pencahayaan yang mencukupi di kawasan kerja, di laluan dan jalan keluar masuk yang gelap **e) Ruang Rehat** Penyediaan dan penyelenggaraan ruang rehat yang teduh dari hujan dan panas dan yang selamat dan bersih **f) Kawasan Merokok** Penyediaan dan penyelenggaraan kawasan merokok yang khas dilengkapi dengan dulang habuk, alat pemadam api dan papan tanda. **g) Pengudaraan** Penyediaan dan penyelenggaraan pengudaraan mekanikal di kawasan di mana tiada pengudaraan semula jadi terutamanya di kawasan-kawasan yang memerlukan peredaran udara yang berterusan yang melibatkan debu, gas dan asap seperti *generator*, aktiviti kimpalan, aktiviti mengecat, ruang terkurung, dan lain-lain
21.	**Pegendalian Bahan Kimia dan Bahan Berbahaya** **a) Pelabelan dan Penyimpanan** Penyediaan dan pegemaskinian label bekas bahan kimia; penyediaan dan pengawalan bahan kimia dan ruang penyimpanan yang selamat di tapak atau di tempat kerja untuk mematuhi Peraturan Klasifikasi, Pelabelan dan Lembaran Data Keselamatan Bahan Kimia Berbahaya Kepada Kesihatan 2013 (*CLASS Regulations* 2013) dan Peraturan Penggunaan dan Standard Pendedahan Bahan Kimia Berbahaya kepada Kesihatan (*USECHH Regulations* 2000) **b) Peralatan Pelindungan Diri (*PPE*) kepada pekerja.** Menggunakan *PPE* untuk mengendalikan bahan kimia berbahaya di tempat kerja untuk mematuhi Peraturan (*USECHH Regulations* 2000) seperti: I. *Goggles* II. Cermin mata keselamatan III. Pelindung muka penuh IV. Sarung tangan kalis bahan kimia V. Pelindung Pernafasan atau *Respirator* VI. Pakaian perlindungan seperti *Lab Coat* atau *Coverall* VII. Kasut Keselamatan atau Kasut kulit yang bertutup VIII. dan lain-lain *PPE* yang diperlukan mengikut kehendak *CHRA*. **c) Program pengendalian bahan kimia berbahaya di tapak** Peruntukan untuk menyediakan langkah-langkah berikut: I. Latihan bahan kimia berbahaya di tapak. II. Pemantauan pendedahan bahan kimia berbahaya di tapak. III. Pengawasan kesihatan untuk pekerja yang terdedah kepada bahan kimia berbahaya (Di bawah Jadual ke-2 Peraturan USECHH 2000) di tapak.
22.	**Situasi Kerja Khas** **a) Bekerja di dalam Ruang Terkurung (RT)**

Dokumen Meja Terkawal

	I. Melaksanakan keperluan Sistem PTW dan kehendak prosedur untuk memasuki ruang terkurung dengan selamat. II. Menyediakan, memasang dan menyelenggara tanda-tanda amaran keselamatan untuk ruang terkurung. III. Menyediakan laluan masuk dan keluar yang selamat IV. Meyediakan dan melaksanakan Pelan Tindakan Kecemasan untuk menyelamat mangsa jika berlaku apa-apa kemalangan RT. **b) Bekerja berhampiran atau di jalanraya awam atau keluar masuk ke jalanraya awam** I. Menyediakan Penjaga Bendera atau Pengawal Lalulintas yang mencukupi lengkap dengan vest keselamatan, bendera dan baton yang menyala pada waktu malam untuk mengawal kenderaan di jalan raya awam atau jentera pembinaan yang keluar masuk dari tapak II. Menyediakan papan tanda dan kon-kon keselamatan yang mencukupi (mematuhi Arahan Teknik JKR yang berkaitan) untuk mengelakkan kemalangan dari berlaku.

Syarat-Syarat ini dipersetujui dan wajib dipatuhi oleh Kontraktor:

Nama:

Tandatangan:

No. K/P:

Jawatan:

Syarikat:

Tarikh:

Cop Syarikat:

DOKUMEN G

PERJANJIAN PEMATUHAN ASPEK KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJA DAN ALAM SEKITAR (OSHE)

Dokumen Meja Terkawal

PERJANJIAN PEMATUHAN ASPEK KESELAMATAN, KESIHATAN PEKERJAAN DAN ALAM SEKITAR (OSHE) TERHADAP KERJA-KERJA YANG DIJALANKAN OLEH KONTRAKTOR DI BAWAH SELIAAN MBPJ

Tandatangan Kontraktor :_____

Dokumen Meja Terkawal

1.0 PENALTI

